

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam 1200, Isnin, 27 Oktober 2025



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

LAPORAN STATISTIK UPAH PEKERJA (SEKTOR FORMAL) SUKU TAHUN KEDUA 2025

***Median upah bulanan pada Jun 2025 meningkat sebanyak
4.3 peratus daripada tahun sebelumnya***

PUTRAJAYA, 27 Oktober 2025 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan median upah bulanan bagi pekerja formal adalah sebanyak **RM2,864** pada **Jun 2025**, menurut **LAPORAN STATISTIK UPAH PEKERJA (SEKTOR FORMAL) SUKU TAHUN KEDUA 2025**.

Mengulas lanjut penemuan statistik yang diperoleh daripada data pentadbiran, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia, menyatakan bahawa pasaran buruh Malaysia kekal kukuh pada suku tahun kedua 2025, disokong oleh peningkatan berterusan penduduk bekerja. Bilangan pekerja formal warganegara juga terus menunjukkan peningkatan tahun ke tahun, mencatatkan pertumbuhan sebanyak 3.5 peratus (April 2025: 3.3%; Mei 2025: 3.5%) kepada 6.97 juta orang pada Jun 2025. Sementara itu, median upah bulanan terus mencatatkan kenaikan masing-masing sebanyak 3.6 peratus, 5.4 peratus dan 4.3 peratus pada April, Mei dan Jun 2025.

Dari segi perbandingan mengikut jantina, pekerja formal lelaki menyumbang 55.1 peratus (3.84 juta orang) daripada jumlah pekerja formal pada Jun 2025, menerima RM100 lebih daripada perempuan bagi median upah bulanan. Median upah bulanan pekerja formal lelaki adalah RM2,900 manakala pekerja formal perempuan yang menyumbang 44.9 peratus (3.13 juta orang) daripada jumlah pekerja formal keseluruhan memperoleh median upah bulanan sebanyak RM2,800.

Melihat kepada perincian statistik upah mengikut kumpulan umur menunjukkan bahawa semua kumpulan umur mencatatkan kenaikan tahun ke tahun yang konsisten untuk median upah bulanan. Pertumbuhan tertinggi dicatatkan dalam kalangan pekerja pada umur bawah 20 tahun dengan menerima median upah bulanan sebanyak RM1,700 pada Jun 2025, meningkat sebanyak 13.3 peratus berbanding tahun sebelumnya. Pada tempoh ini, pekerja formal berumur 45 hingga 49 tahun memperoleh median upah bulanan tertinggi iaitu RM3,800 pada Jun 2025.

Mengulas situasi upah merentasi aktiviti ekonomi juga menunjukkan semua sektor mencatatkan peningkatan median upah bulanan sepanjang ketiga-tiga bulan pada suku tahun kedua 2025. Sektor Perlombongan & pengkuarian hanya membentuk 0.6 peratus daripada keseluruhan pekerja formal, mencatatkan pertumbuhan median upah bulanan tertinggi tahun ke tahun sebanyak 10.2 peratus, mencapai RM6,500 pada Jun 2025. Sebaliknya, sektor Pertanian yang mewakili 1.9 peratus daripada pekerja formal mencatatkan median upah bulanan terendah pada RM2,200 menunjukkan pertumbuhan tahun ke tahun kepada 10.0 peratus dalam tempoh yang sama.

Mengulas lanjut mengenai situasi upah mengikut negeri pada Jun 2025, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan bahawa median upah bulanan mencatatkan pertumbuhan tahun ke tahun yang positif bagi semua negeri pada suku tahun kedua 2025. Tiga negeri melepasi median upah bulanan nasional RM2,864, dengan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mencatatkan median upah bulanan tertinggi pada RM4,064, diikuti Selangor RM3,145 dan Pulau Pinang RM2,927. Sementara itu, median upah bulanan terendah direkodkan di Kelantan iaitu RM1,764, diikuti Perlis RM1,800, serta Sabah dan Kedah iaitu RM2,000, pada tempoh yang sama.

Menyentuh mengenai taburan upah, Ketua Perangkawan Malaysia memaklumkan bahawa 10.4 peratus daripada jumlah pekerja formal warganegara menerima upah bulanan bawah RM1,700 pada Jun 2025, berkurang sebanyak 12.2 mata peratus berbanding Jun 2024. Selain itu, analisis persentil menunjukkan bahawa 10 peratus pekerja formal Malaysia terendah menerima upah bulanan sebanyak RM1,664 atau kurang setiap bulan, manakala pekerja formal dalam persentil ke-90 menerima sekurang-kurangnya RM9,200 setiap bulan. Perbezaan ini menunjukkan pekerja pada persentil ke-90 menerima lima kali ganda upah daripada kumpulan upah terendah, menggambarkan jurang upah antara mereka yang berpendapatan tertinggi dan terendah.

Mengakhiri kenyataannya pada keluaran hari ini, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Statistik ini adalah berasaskan sumber data pentadbiran daripada agensi yang berkaitan, memberi tumpuan kepada warganegara yang bekerja di sektor formal, khususnya di sektor swasta. Perantaraan kehadiran, DOSM akan terus memperkukuh penyebaran statistik upah pekerja dengan mengintegrasikan pelbagai data pentadbiran untuk pengeluaran statistik yang lebih terperinci bagi pemahaman yang lebih mendalam tentang pasaran buruh negara."

Data siri masa dan maklumat lanjut berkaitan pasaran buruh boleh diperolehi dari portal Hab Data Pasaran Buruh (MyLabourHub). Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://mylabourhub.dosm.gov.my> atau imbas kod QR di bawah.



Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 198 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.


Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (*MyStats Day*), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
27 OKTOBER 2025


Paparan 1: Median Upah Bulanan, April 2024 – Jun 2025




Paparan 2: Median Upah Bulanan mengikut Jantina, April - Jun 2025



Paparan 3: Median Upah Bulanan mengikut Kumpulan Umur, April - Jun 2025




Paparan 4: Median Upah Bulanan mengikut Aktiviti Ekonomi, April - Jun 2025




Paparan 5: Median Upah Bulanan mengikut Negeri dan Wilayah, April - Jun 2025



Paparan 6: Taburan Pekerja Formal mengikut Skala Upah, Jun 2025



Paparan 7: Taburan Upah Pekerja Formal mengikut Persentil, Jun 2025



Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Monday, October 27th, 2025



MEDIA STATEMENT

MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514 Federal Territory of Putrajaya
Telephone : 03 - 8090 4681

EMPLOYEE WAGES STATISTICS (FORMAL SECTOR) REPORT SECOND QUARTER 2025

The median monthly wages in June 2025 increased by 4.3 per cent from a year earlier

PUTRAJAYA, 27 October 2025 – The Department of Statistics, Malaysia (DOSM) reported that median monthly wages for formal employees stood at **RM2,864** in June 2025, according to the **EMPLOYEE WAGES STATISTICS (FORMAL SECTOR) SECOND QUARTER 2025**.

Commenting on the findings of statistics derived from administrative data, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, the Chief Statistician of Malaysia, stated that Malaysia's labour market remained strong in the second quarter of 2025, supported by a continued increase in employed persons. The number of Malaysian formal employees also continued to show a year-on-year increase, recording a growth of 3.5 per cent (April 2025: 3.3%; May 2025: 3.5%) to 6.97 million persons in June 2025. Meanwhile, the median monthly wage also registered increases of 3.6 per cent, 5.4 per cent and 4.3 per cent in April, May, and June 2025, respectively.

In terms of comparison by sex, male formal employees comprised 55.1 per cent (3.84 million persons) of the total formal employees in June 2025, earned RM100 more than females in median monthly wages. The median monthly wage for male formal employees stood at RM2,900 while female formal employees who made up 44.9 per cent (3.13 million persons) of total formal employees earned median monthly wage of RM2,800.

Looking at detailed wage statistics by age group indicates that all age groups experienced consistent year-on-year increments in median monthly wages. The highest growth was recorded by the age group below 20 years with a median monthly wage of RM1,700 in June 2025, an increase of 13.3 per cent compared to the previous year. During this period, formal employees aged 45 to 49 years earned the highest median monthly wages at RM3,800 in June 2025.

Expanding on the wages situation across economic activity also showed that all sectors recorded an increase in median monthly wages across all three months of the second quarter of 2025. The Mining & quarrying sector, which makes up only 0.6 per cent of all formal employees, recorded the highest year-on-year growth of 10.2 per cent in its median monthly wages, reaching RM6,500 in June 2025. In contrast, the Agriculture sector, representing 1.9 per cent of formal employees, reported the lowest median monthly wages at RM2,200, showing a rise to 10.0 per cent year-on-year growth during the same period.

Further elaborating on the wage situation by state as of June 2025, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin stated the median monthly wages recorded positive year-on-year growth across all states in the second quarter of 2025. Three states exceeded the national median monthly wage of RM2,864, with Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur registering the highest median monthly wage at RM4,064, followed by Selangor at RM3,145 and Pulau Pinang at RM2,927. Meanwhile, the lowest median monthly wages were recorded in Kelantan at RM1,764, followed by Perlis at RM1,800, as well as Sabah and Kedah at RM2,000, during the same period.

Commenting on the wage distribution, the Chief Statistician Malaysia highlighted that 10.4 per cent of total Malaysian formal employees earned monthly wages below RM1,700 in June 2025, marking a reduction of 12.2 percentage points compared to June 2024. Furthermore, percentile analysis revealed that the bottom 10 per cent of Malaysian formal employees received monthly wages of RM1,664 or less, while employees in the 90th percentile earned at least RM9,200 per month. This disparity illustrates that employees in the 90th percentile earned five times more than those in the lowest wage group, underscoring the prevailing wage gap between the highest and lowest earners.

Concluding his statement on today's release, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin stated, "These statistics are based on administrative data sources obtained from relevant agencies, which focus on the citizens employed in the formal sector, notably in the private sector. Looking ahead, DOSM will continue to enhance the dissemination of employee wages statistics by integrating various administrative data to produce more comprehensive statistics for an extensive understanding of Malaysia's labour market."

Time series statistics and more information on the labour market can be obtained from the My Labour Hub (MyLabourHub) portal. For more information, please visit <https://mylabourhub.dosm.gov.my> or scan the QR code below.



ASEAN-Malaysia 2025 Chairmanship: The Department of Statistics Malaysia (DOSM) will chair the 15th ASEAN Community Statistical System Committee (ACSS15) which aims to strengthen the statistical cooperation towards sustainable regional development.

Malaysia, for the first time, ranked as number one (1) globally in the biennial Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 198 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

The Government of Malaysia has declared October 20th as National Statistics Day (MyStats Day), with the theme 'Statistics is the Essence of Life'. Meanwhile, the Fourth World Statistics Day will be celebrated on 20th October 2025, with the theme 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

Released by:
THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
27 OCTOBER 2025

Exhibit 1: Median Monthly Wages, April 2024 – June 2025




Exhibit 2: Median Monthly Wages by Sex, April - June 2025




Exhibit 3: Median Monthly Wages by Age Group, April - June 2025




Exhibit 4: Median Monthly Wages by Economic Activity, April - June 2025




Exhibit 5: Median Monthly Wages by State and Region, April - June 2025




Exhibit 6: Distribution of Formal Employees by Wage Scale, June 2025




Exhibit 7: Wage Distribution of Formal Employees by Percentile, June 2025

